

SUMBANGAN KOPERASI FELDA KEPADA ANGGOTA

Rahimah Abd Samad, Farahaini Mohd Hanif, Faiz Ahmad Yatim,
Nur Shuhada Mohd Ali, *Mohamad Haniff Mohamad Hashim
Institut Koperasi Malaysia

ABSTRAK

Koperasi merupakan sebuah pertubuhan yang ditubuhkan untuk memenuhi keperluan ekonomi, sosial dan budaya. Akan tetapi, terdapat persoalan berkaitan apakah jenis sumbangan yang anggota perlukan sekaligus meningkatkan kesejahteraan hidup anggota. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti bentuk sumbangan koperasi yang terdiri daripada kewangan dan bukan kewangan, dan jenis sumbangan yang meningkatkan kesejahteraan anggota koperasi di Tanah Rancangan FELDA. Kaedah kuantitatif menggunakan borang soal selidik digunakan untuk memperoleh data yang diperlukan daripada responden kajian melibatkan seramai 432 orang yang merupakan anggota koperasi FELDA yang mewakili semua kluster iaitu mikro, kecil, sederhana dan besar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa daripada segi manfaat kewangan, dividen (82.2%) merupakan manfaat kewangan tertinggi yang diperoleh anggota, diikuti dengan elaun (76.7%), honorarium (45.8%) dan khairat kematian (21.1%). Daripada segi manfaat bukan kewangan pula, manfaat tertinggi diterima ialah latihan dan pendidikan (27.8%), diikuti oleh kemudahan awam (19%), pekerjaan (8.8%), khidmat nasihat (7.4%) dan insuran berkelompok (7.2%). Daripada kajian ini, didapati sumbangan yang diperoleh oleh anggota koperasi FELDA adalah lebih berbentuk sumbangan kewangan berbanding bukan kewangan. Akan tetapi, hanya dua (2) sahaja sumbangan yang berkait rapat dengan kesejahteraan anggota iaitu biasiswa dan pekerjaan. Justeru itu, ini menunjukkan bahawa jika sesebuah koperasi ingin meningkatkan kesejahteraan anggota, mereka boleh memberikan fokus kepada sumbangan biasiswa dan pekerjaan. Kajian ini akan membantu koperasi memberikan sumbangan yang diinginkan oleh anggota koperasi.

Kata Kunci: *FELDA; Honorarium; Insurans Berkelompok; Kluster*

*E-mel penulis: haniff@ikkm.edu.my

PENGENALAN

Masyarakat di Malaysia masih beranggapan bahawa penyertaan koperasi dalam ekonomi adalah terbatas kepada aktiviti pinjam meminjam semata-mata dan persepsi ini mempengaruhi seseorang itu untuk menyertai koperasi. Matlamat utama penubuhan sesebuah koperasi adalah untuk mengatasi masalah bersama dalam kalangan anggota serta membantu meningkatkan taraf sosioekonomi mereka (Hayati, 2010). Justeru, aktiviti yang dijalankan oleh koperasi adalah untuk memenuhi keperluan dan kehendak tersebut. Kebiasaannya dalam koperasi, keuntungan atau lebihan yang diperolehi daripada perniagaan koperasi disalurkan semula kepada anggota sama ada dalam bentuk wang atau pun dalam bentuk perkhidmatan.

Matlamat utama penubuhan koperasi ialah untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka yang menganggotainya melalui aktiviti ekonomi dan sosial. Secara umumnya, koperasi mampu untuk membantu anggota dan masyarakat sekelilingnya dalam mengatasi pelbagai masalah terutamanya daripada aspek ekonomi. Apabila pendekatan ini berjaya, anggota mendapat faedah ekonomi seperti dividen, rebat dan pinjaman. Antara faedah sosial pula ialah jalinan kerjasama masyarakat setempat meningkat, keperluan semasa dapat dipenuhi, perpaduan meningkat dan keperihatin terhadap keadaan sekeliling meningkat.

Bagi memastikan koperasi mampu menjadi saluran untuk meningkatkan aktiviti keusahawanan dan perniagaan, semua program pembangunan dan pengukuhan koperasi yang dilaksanakan mestilah menjurus kepada objektif utama penubuhan koperasi iaitu memenuhi keperluan anggota koperasi. Malahan, kejayaan gerakan koperasi dalam dan luar negara membuktikan gerakan koperasi mampu meningkatkan ekonomi dan sosial masyarakat terutamanya kepada anggota koperasi itu sendiri (Suruhanjaya Koperasi Malaysia, 2013).

Matlamat Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020 yang mensasarkan peningkatan sumbangan koperasi kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) perlu diberi perhatian yang serius. Melalui lima (5) Teras Strategik dalam DKN 2011-2020, koperasi dijangka dapat meningkatkan prestasinya melalui penglibatan dalam sektor ekonomi bernilai tinggi, peningkatan keupayaan dan modal insan, meningkatkan keyakinan masyarakat dan memperkukuh seliaan dan penguatkuasaan. Apabila peningkatan prestasi ini berlaku, koperasi dijangka dapat memenuhi keperluan anggotanya dengan lebih baik dan efisien. Sebagai contoh, koperasi boleh menyumbang kepada penjana pendapatan sampingan, memperoleh pendidikan, penubuhan tabung dermasiswa dan lain-lain. Walau bagaimanapun, sumbangan koperasi kepada anggota perlulah menekankan kepada sumbangan yang sememangnya diperlukan oleh anggota. Ini bagi membolehkan koperasi kekal fokus memenuhi keperluan anggota tanpa memberikan sumbangan yang tidak diperlukan. Ini akan menjimatkan kos duit dan masa serta menjadikan koperasi lebih efisien memberikan perkhidmatan kepada anggota.

Justeru, kajian ini akan dapat mengenal pasti sumbangan koperasi daripada segi kewangan dan bukan kewangan. Ia juga akan dapat mengenal pasti apakah jenis sumbangan yang akan membantu meningkatkan tahap kepuasan anggota koperasi terhadap koperasi. Dalam erti kata lain, dapatan ini akan membantu koperasi mengenal pasti jenis sumbangan yang diperlukan anggota dan membantu apakah sebenarnya sumbangan koperasi yang benar-benar memuaskan hati anggota koperasi. Ini membantu koperasi memberikan sumbangan yang diperlukan oleh anggota sekali gus akan

meningkatkan kepuasan hati anggota kepada koperasi. Ia juga akan membantu pemegang taruh merangka polisi dengan mengambil kira objektif utama penubuhan koperasi iaitu menetapkan apakah sumbangan yang diperlukan oleh anggota koperasi.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengetahui pasti sumbangan kewangan dan bukan kewangan yang disumbangkan oleh koperasi kepada anggota Koperasi FELDA.
2. Mengetahui pasti sumbangan yang benar-benar diperlukan oleh anggota Koperasi FELDA.

SOROTAN KAJIAN

Menurut Akta Koperasi 1993, seksyen 4(1) mendefinisikan koperasi sebagai ‘suatu pertubuhan yang terdiri daripada orang-orang individu sahaja dan matlamatnya adalah untuk meningkatkan kepentingan ekonomi anggota-anggotanya mengikut prinsip-prinsip koperasi’. Pertubuhan koperasi merupakan sebuah entiti perniagaan yang berteraskan kepada konsep kerjasama dan beroperasi berlandaskan kepada prinsipnya yang tersendiri. Sebagai sebuah organisasi perniagaan, koperasi juga mahukan keuntungan demi mencapai matlamat ekonomi dan sosialnya. Oleh yang demikian, koperasi perlu menceburkan diri dalam pelbagai jenis perniagaan bagi membolehkan ia terus berdiri setanding dengan perniagaan-perniagaan lain.

Henny (1996) menyatakan bahawa anggota mempunyai peranan penting dalam memajukan kegiatan koperasi dengan menyumbang modal. Jumlah tabungan modal sangat bergantung kepada simpanan secara sukarela. Jika faedah ekonomi dan bukan ekonomi diperoleh oleh anggota meningkat maka tabungan anggota akan meningkat. Peningkatan pemberian dividen oleh koperasi tidak mempengaruhi jumlah simpanan sukarela anggota. Ini menunjukkan anggota akan meningkatkan tabungan mereka jika koperasi yang dianggotainya dapat memberikan faedah kepada mereka dalam bentuk perkhidmatan dan kebajikan.

Abd Rahman dan Zakaria (2018) pula menyatakan bahawa koperasi memberi manfaat kepada anggotanya melalui dividen, rebat atau potongan langganan dan saham bonus. Hasil ini hanya boleh ditingkatkan jika koperasi dapat diurus dengan cekap dan berkesan. Kajian berkaitan kecekapan banyak dilakukan di negara maju dan sebilangan kecil sahaja di negara membangun seperti Malaysia. Penilaian kecekapan pengurusan adalah berdasarkan beberapa aspek seperti kewangan (ekonomi), sosial dan sosioekonomi. Sebagai sebuah organisasi perniagaan, kecekapan pengurusan koperasi juga boleh dinilai berdasarkan aspek kewangan dan aspek bukan kewangan seperti nilai sosial, fungsi pengurusan dan hubungan antara anggota koperasi.

Konsep Sumbangan

Sumbangan ialah apa-apa yang diberikan sebagai bantuan atau sokongan dan pertolongan. Daripada aktiviti yang dijalankan oleh koperasi terdapat dua jenis sumbangan iaitu kewangan dan bukan kewangan. Contoh sumbangan berbentuk kewangan termasuk pinjaman, rebat, bonus,

honorarium, elaun dan faedah-faedah sampingan. Manakala, contoh sumbangan bukan kewangan termasuk pendidikan, prasarana, peluang pekerjaan dan sebagainya.

Sumbangan Kewangan

Jadual 1 merujuk kepada beberapa manfaat kewangan yang diperoleh oleh anggota koperasi:

Jadual 1: Manfaat Kewangan yang diperoleh Anggota Koperasi

Bil.	Komponen	Takrifan
1.	Pinjaman	1. Barang dan lain-lain yang dipinjam (dipinjamkan). 2. Wang yang diberikan kepada seseorang untuk sementara dan perlu dikembalikan kemudian, iaitu hutang.
2.	Rebat	Potongan daripada sejumlah bayaran yang kena dibayar atau pemulangan sebahagian daripada amaun yang telah dibuat sebagai bayaran.
3.	Dividen	Bahagian keuntungan yang dibayar kepada pemegang saham dalam sesuatu syarikat; bonus dividen tambahan yang berupa saham atau tunai kepada dividen yang telah diisytiharkan sebelumnya.
4.	Elaun	Bayaran yang diberikan kepada seseorang (oleh sesebuah organisasi) secara tetap (untuk melaksanakan sesuatu tugas).

Sumber: Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat

Sumbangan Bukan Kewangan

Antara manfaat bukan kewangan yang diperoleh oleh anggota koperasi adalah seperti berikut:

Jadual 2: Manfaat Bukan Kewangan yang diperoleh Anggota Koperasi

Bil.	Komponen	Takrifan
1.	Latihan	Pelajaran atau didikan untuk memahirkan (membiasakan), yang cukup untuk menjalankan kerjanya; amali latihan dengan mengerjakan (mengamalkan) sendiri; asas latihan permulaan.
2.	Peluang Pekerjaan	1. Sesuatu yang dilakukan untuk mencari nafkah hidup; pencarian; 2. Sesuatu yang dikerjakan atau yang dibuat.

3.	Prasarana (pengangkutan dan bangunan)	Keseluruhan kemudahan dan perkhidmatan asas (seperti kemudahan pengangkutan dan perhubungan, bekalan kuasa elektrik, dan lain-lain) yang perlu bagi pembangunan (pertumbuhan) dan kemajuan infrastruktur.
4.	Pemasaran Produk dan Perkhidmatan	Perbuatan atau hal memasarkan (sesuatu).

Sumber: Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat

METODOLOGI KAJIAN

Populasi dan Persampelan Kajian

Sehingga 31 Disember 2016, terdapat sebanyak 311 buah koperasi FELDA yang memenuhi kriteria bagi skop kajian di atas serta masih aktif. Kebanyakan koperasi merupakan koperasi bersaiz mikro (130 koperasi; 41.7%) dan diikuti oleh 89 koperasi (28.5%) sebagai kluster kecil. Sebanyak 56 koperasi (17.9%) pula merupakan kluster sederhana dan sebanyak 36 koperasi (11.5%) dikategorikan sebagai koperasi kluster besar.

Penduduk FELDA pula seramai 393,329 orang di seluruh Malaysia. Skop kajian ini ialah anggota koperasi yang menganggotai Koperasi FELDA untuk semua kluster (mikro, kecil, sederhana dan besar) yang telah beroperasi sekurang-kurangnya tiga tahun. Sebanyak 432 responden diperoleh dan telah menjawab borang soal selidik ini. Responden ini terdiri daripada anggota Koperasi FELDA dari 46 buah koperasi.

Penyelidik menggunakan kaedah banci dengan menghantar borang soal selidik kepada kesemua Koperasi FELDA. Penyelidik hanya menghantar borang soal selidik kepada Koperasi FELDA yang mempunyai maklumat seperti alamat dan tahun penubuhan. Setiap Koperasi FELDA akan menerima satu salinan (1) borang soal selidik Set 1 (untuk dijawab oleh koperasi) dan sepuluh salinan Set 2 (untuk dijawab oleh anggota Koperasi FELDA) telah dihantar melalui pos atau dihantar sendiri oleh penyelidik kepada 268 buah Koperasi FELDA. Ini bermakna sebanyak 268 koperasi menerima Set 1 dan 2680 Set 2.

Tempoh satu bulan dari tarikh surat rasmi diberikan untuk memulangkan borang soal selidik dengan lengkap. Penghantaran secara pos dipilih kerana ia lebih menjimatkan daripada segi kos, masa dan tenaga berbanding kaedah-kaedah lain. Setelah sebulan didapati sebanyak 46 set 1 (17.16%) dan 432 Set 2 (16.12%) borang soal selidik dikembalikan semula kepada penyelidik. Jumlah 432 Set 2 borang soal selidik yang diperoleh adalah memadai berdasarkan kepada Jadual Krejcie dan Morgan (1970) dalam menentukan sampel saiz iaitu 383 borang untuk jumlah populasi sehingga mencecah seramai 1, 000, 000 orang. Kesemua borang yang dikembalikan dianalisis menggunakan perisian SPSS.

Borang Soal Selidik

Dua set borang soal selidik telah dibina bagi kajian ini: **Set 1** untuk mengumpul maklumat latar belakang koperasi dan **Set 2** untuk responden iaitu anggota koperasi.

Jadual 3: Komponen Borang Soal Selidik

Set 1	
Kandungan	Tujuan
Latar belakang koperasi FELDA – dilengkapkan oleh Pengerusi, Setiausaha atau Pengurus Koperasi	Untuk mengenal pasti latar belakang sampel koperasi FELDA yang terpilih.
Set 2	
Kandungan	Tujuan
Bahagian A: Latar Belakang Demografi Responden	Untuk mengenal pasti latar belakang responden ALK dan anggota koperasi.
Bahagian B: Manfaat Menyertai Koperasi	Untuk mengukur manfaat kewangan dan bukan kewangan yang diperoleh responden dari koperasi.
Bahagian C : Persepsi Responden Terhadap Sumbangan Koperasi	Untuk mengukur persepsi responden terhadap sumbangan bukan kewangan koperasi (Contoh: sistem pengangkutan, perkhidmatan kesihatan dan aktiviti anjuran koperasi) kepada anggota/ masyarakat setempat.

Analisis Kajian yang digunakan

Kaedah analisis dirumuskan dalam Jadual 4 mengikut objektif kajian.

Jadual 4: Kaedah Analisis Mengikut Objektif

Objektif	Kaedah
Mengenal pasti sumbangan kewangan dan bukan kewangan koperasi FELDA terhadap anggota dan masyarakat setempat	Peratus yang pernah menerima manfaat berkenaan, disusun daripada yang tertinggi kepada yang terendah.
Mengenal pasti bentuk sumbangan koperasi yang berkaitan dengan anggota koperasi	Ujian khi-kuasadua (c^2) terhadap setiap sumbangan (<i>Ya/Tidak</i>) dengan tahap kesejahteraan (min skor Bahagian C). Misalnya, ujian (c^2) antara dividen (ada/tidak) dengan min skor tahap kepuasan keseluruhan.

DAPATAN KAJIAN

Profil Koperasi

Seramai 432 orang responden untuk kajian ini. Mereka terdiri daripada anggota 46 buah Koperasi FELDA daripada sembilan (9) negeri. Paling banyak, iaitu 18 (39.1%) koperasi, mewakili Pahang diikuti oleh 17 (37.0%) koperasi dari Johor. Tujuh negeri lain diwakili oleh satu atau dua koperasi sahaja.

Jadual 5: Bilangan Responden Koperasi Mengikut Negeri

Negeri	Bilangan	Peratus (%)
Pahang	18	39.1
Johor	17	37.0
Sabah	2	4.3
Perak	2	4.3
Terengganu	2	4.3
Kedah	2	4.3
Negeri Sembilan	1	2.2
Kelantan	1	2.2
Perlis	1	2.2
Jumlah	46	100.0

Profil Anggota

Jumlah responden kajian ialah seramai 432 orang. Majoriti dalam kalangan responden adalah lelaki (77.1%) dan kebanyakannya (43.3%) berusia sekurang-kurangnya 60 tahun. Sekitar tiga perempat (74.8%) dalam kalangan mereka berusia 50 tahun ke atas. Sebaliknya, golongan muda, iaitu yang berusia 30 tahun ke bawah amat sedikit (3.2%).

Sumbangan Kewangan yang diperolehi daripada Koperasi

Jadual 6 menunjukkan sumbangan kewangan yang diberi oleh koperasi kepada anggota. Dividen merupakan sumbangan kewangan tertinggi yang diperolehi anggota (82.2%) diikuti dengan elaun (76.7%). Hampir separuh daripada responden yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK) memperoleh honorarium sebagai manfaat kewangan daripada koperasi. Bagi sumbangan kewangan lain seperti bonus, gaji dan upah yang diperolehi oleh pekerja koperasi adalah antara 12.5 peratus dan 11.8 peratus. Bagi sumbangan dalam bentuk pinjaman dan biasiswa hanya sebilangan kecil responden (6.2%) menyatakan mereka menerima sumber manfaat kewangan yang dinyatakan. Diskaun ke atas langganan atau rebat serta dermasiswa juga hanya mencatatkan peratusan kecil (5.8%) daripada jumlah keseluruhan.

Jadual 6: Sumbangan Kewangan yang diperoleh daripada Koperasi

Sumber	Bilangan	Peratus (%)
Dividen	355	82.2
Elaun	331	76.7
Honorarium	198	45.8
Khairat Kematian	91	21.1
Bonus	54	12.5
Gaji/Upah	51	11.8
Pinjaman	27	6.2
Biasiswa	27	6.2
Diskaun/Rebat	25	5.8
Dermasiswa	25	5.8

Sumbangan Bukan Kewangan yang diperoleh daripada Koperasi

Jadual 7 menunjukkan 10 sumbangan bukan kewangan yang dikaji antaranya latihan, khidmat nasihat, pekerjaan dan jaringan sosial. Sumbangan bukan kewangan tertinggi diperoleh responden ialah dalam bentuk latihan dan pendidikan (27.8%). Selain itu, koperasi juga menyediakan sumbangan bukan kewangan dalam bentuk kemudahan awam (19%), pekerjaan (8.8%), khidmat nasihat (7.4%) dan insuran berkelompok (7.2%). Hasil analisis juga menunjukkan koperasi turut memberi sumbangan dalam bentuk bukan kewangan seperti jaringan sosial (4.6%). Terdapat sebilangan kecil responden menyatakan bahawa koperasi mereka memberi sumbangan bukan kewangan daripada aspek perkhidmatan pemasaran (4.2%), diikuti pemasaran produk (2.3%) dan memperoleh manfaat melalui pemilikan tanah (9%).

Jadual 7: Sumbangan Bukan Kewangan yang diperoleh daripada Koperasi

Sumber	Bilangan	Peratus(%)
Latihan/Pendidikan	120	27.8
Kemudahan Awam	82	19
Pekerjaan	38	8.8
Khidmat Nasihat	32	7.4
Insuran Berkelompok	31	7.2
Rumah/Tempat Kediaman	22	5.1
Jaringan Sosial (Networking)	19	4.6
Perkhidmatan Pemasaran	18	4.2
Pemasaran Produk	10	2.3
Tanah	9	2.1

Faktor-faktor Berkaitan Kepuasan Hati Anggota Terhadap Sumbangan Koperasi FELDA

Dawes (2008) membandingkan jumlah titik respons 5, 7 dan 10 pada skala Likert. Beliau menyatakan titik respons tersebut mempengaruhi rataan, ukuran penyebaran, dan bentuk sebaran. Rataan yang sama diperoleh saat skala Likert menggunakan 5 titik dan 7 titik ketika keduanya di

skala ulang. Jumlah titik 5 dan 7 adalah sebanding tetapi beliau menyatakan bahawa jumlah titik 5 dan 7 tidak dapat dibandingkan dengan jumlah titik 10 kerana jumlah titik 5 dan 7 menghasilkan rataan yang lebih tinggi berbanding 10. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan skala 1 hingga 7 dengan skor setiap responden dikategorikan sebagai berpuas hati atau sebaliknya dengan sumbangan Koperasi FELDA kepada mereka dengan pecahan skor seperti berikut:

Skor 6 atau 7 = Berpuas Hati;
 Skor 5 ke bawah = Tidak Berpuas Hati

Diandaikan bahawa pendapat anggota koperasi terhadap peranan koperasi dalam meningkatkan kepuasan hati anggota Koperasi FELDA bergantung kepada bentuk sumbangan yang diterima daripada koperasi. Sumbangan koperasi boleh dibahagikan kepada manfaat kewangan dan bukan kewangan. Didapati hanya segelintir kecil sahaja yang mendapat manfaat seperti pinjaman, diskaun, honorarium, latihan dan sebagainya dari koperasi.

Hasil ujian berstatistik χ^2 antara jenis sumbangan dan kepuasan hati mereka dirumuskan dalam Jadual 8. Disertakan juga bilangan penerima bagi setiap sumbangan. Paling ramai pernah menerima sumbangan kewangan seperti dividen (355 responden – 82.2%), elaun (331 responden – 76.6%) dan honorarium (198 responden – 45.8%). Sebaliknya, tidak ramai yang mendapat bantuan untuk memasarkan produk (10 orang) dan perkhidmatan (18 orang) mereka.

Jadual 8: Hubung Kait antara Bentuk Sumbangan dengan Kepuasan Hati Anggota Koperasi

Bil.	Sumbangan	Bilangan Penerima (%)*	Statistik χ^2	Nilai-p
1.	Dividen	355 (82.2%)	2.28	0.131
2.	Elaun	331 (76.6%)	0.626	0.429
3.	Honorarium	198 (45.8%)	0.008	0.929
4.	Latihan/pendidikan	120 (27.8%)	0.397	0.529
5.	Khairat kematian	91 (21.1%)	2.361	0.124
6.	Kemudahan awam	82 (19.0%)	0.003	0.958
7.	Bonus	54 (12.5%)	0.056	0.813
8.	Gaji/upah	51 (11.8%)	0.944	0.331
9.	Pinjaman	27 (6.3%)	0.817	0.366
10.	Diskaun/rebat	25 (5.8%)	0.176	0.675
11.	Pekerjaan	38 (8.8%)	5.105	0.024*
12.	Khidmat nasihat	32 (7.4%)	2.68	0.102
13.	Insuran berkelompok	31 (7.2%)	0.269	0.604
14.	Biasiswa	27 (6.3%)	4.066	0.044*
15.	Dermaiswa	25 (5.8%)	1.731	0.188
16.	Rumah/tempat kediaman	22 (5.1%)	0.001	0.973
17.	Jaringan sosial	20 (4.6%)	0.703	0.402
18.	Pemasaran perkhidmatan	18 (4.2%)	0.071	0.790
19.	Pemasaran produk	10 (2.3%)	0.375	0.540
20.	Tanah	9 (2.1%)	2.291	0.130

*Disusun mengikut bilangan penerima terbanyak

Walau bagaimanapun, bentuk sumbangan sama ada kewangan atau bukan kewangan tidak ada kaitan yang bermakna dengan tahap kesejahteraan anggota, melainkan bagi dua jenis sumbangan, iaitu biasiswa dan pekerjaan. Ini bermakna, mereka yang pernah mendapat biasiswa untuk ahli keluarga atau mendapat pendapatan tetap daripada koperasi lebih menghargai sumbangan tersebut berbanding sumbangan dalam bentuk lain. Walau bagaimanapun, hanya 27 anggota koperasi mengatakan pernah mendapat biasiswa berjumlah antara RM200 dan RM300 seorang. Sementara itu, terdapat seramai 38 anggota berpeluang bekerja di koperasi, antaranya, sebagai buruh, pekerja kedai runcit, kerani dan pemandu.

Dapatan kajian menyatakan bahawa anggota Koperasi FELDA menerima pelbagai manfaat kewangan dan bukan kewangan daripada Koperasi FELDA. Akan tetapi, manfaat yang paling mereka hargai dan berpuas hati ialah berkaitan pekerjaan dan biasiswa. Justeru, Koperasi FELDA perlu meningkatkan sumbangan ini kerana mereka berpuas hati jika menerima sumbangan ini. Akan tetapi, hanya segelintir sahaja anggota yang menerima manfaat ini iaitu 27 anggota menerima biasiswa dan 38 anggota memperoleh peluang pekerjaan. Ia perlu diperbanyakkan dan menjadi fokus koperasi kerana sumbangan ini akan dapat memuaskan hati anggota Koperasi FELDA.

Pihak pemegang taruh seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKM) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) boleh menjadikan dapatan ini sebagai permulaan untuk menjadikan koperasi sebagai pemberi sumbangan dalam menjana peluang pekerjaan dan menyediakan biasiswa. Rangka dan polisi berkaitan sumbangan koperasi boleh diperhalusi dengan menjadikan koperasi sebagai pertubuhan yang menjana pekerjaan dan menyediakan biasiswa tersebut. Dapatan ini juga memberikan pihak koperasi fokus dan mengurangkan sumbangan yang tidak perlu kepada anggota Koperasi FELDA. Ini akan dapat menjimatkan kos masa dan wang kepada koperasi kerana dapat memberikan sumbangan dengan lebih efisien.

Bagi kajian akan datang, penyelidik boleh mengambil kira skop kajian yang berbeza tetapi memiliki ciri-ciri yang lebih kurang sama dengan Koperasi FELDA. Sebagai contoh, Koperasi FELCRA, RISDA, KEDA, KETENGAH dan lain-lain. Ini membolehkan penyelidik mengenal pasti persamaan dan perbezaan dapatan kajian yang kemudiannya akan membantu pemegang taruh merangka polisi yang bersesuaian untuk koperasi tersebut. Selain itu, amat penting untuk penyelidik mengenal pasti apakah jenis-jenis sumbangan yang diperlukan anggota koperasi agar koperasi selari dalam memenuhi kehendak anggota kerana anggota koperasi ialah pelanggan mereka.

KESIMPULAN

Didapati majoriti responden menerima sumbangan dalam bentuk kewangan seperti dividen, elaun dan honorarium daripada koperasi. Sebaliknya, sumbangan bentuk kewangan yang jarang dinikmati oleh anggota koperasi ialah diskaun, rebat, pinjaman, dan bantuan pembelajaran seperti dermasiswa dan biasiswa. Daripada segi sumbangan bukan kewangan pula, kebanyakan koperasi tidak menyumbang dalam bentuk ini kepada anggotanya. Secara amnya, hanya sebilangan anggota pernah mendapat sumbangan berbentuk latihan dan kemudahan awam. Sumbangan bukan kewangan yang lain ialah seperti khidmat nasihat serta peluang-peluang perniagaan.

Walaupun terdapat sebilangan besar responden menerima sumbangan ini, didapati hanya dua (2) sahaja bentuk sumbangan yang berkait rapat dengan kesejahteraan anggota iaitu biasiswa dan pekerjaan. Ini bermakna, mereka yang pernah mendapat biasiswa untuk ahli keluarga atau mendapat pendapatan tetap daripada koperasi lebih menghargai sumbangan tersebut berbanding sumbangan dalam bentuk lain. Ini disebabkan jumlah biasiswa yang diterima dan pekerjaan yang diperoleh daripada koperasi meninggalkan kesan yang lebih besar kepada anggota berbanding sumbangan lain. Justeru, bagi meningkatkan kepuasan hati dalam kalangan anggota Koperasi FELDA, koperasi perlu berusaha untuk memberikan biasiswa dan pekerjaan kepada anggota koperasi.

RUJUKAN

- Abd Rahman, N. & Zakaria, Z. (2018). Kecekapan pengurusan koperasi di Malaysia. *Journal of Nusantara Studies*, 3(2), 134-146.
- Azizah Md Yusof., Jamal Ali., & Roslina Kamaruddin (2013). *Kesejahteraan hidup: Kajian petani di kawasan penanaman padi di Negeri Perlis*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM) ke VIII, Jilid 3 (2013) 1177 – 1, ISSN 2231-962X.
- Dawes, J. (2008). Do data characteristics change according to the number of scale points used? An experiment using 5-point, 7-point and 10-point scales. *International Journal of Market Research*, 50(1), 61-104.
- Hayati Md. Salleh., Asha'ari Arshad., Ahmad Faizal Sharani., & Norbiha Kasmuri. (2008). *Gerakan koperasi di Malaysia*. Petaling Jaya: Maktab Koperasi Malaysia.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- Kridalaksana, H. (2013). *Kamus Linguistik (Edisi Keempat)*. Indonesia: Gramedia Pustaka Utama
- Kotler, P., & Keller, K. L. (2009). *Marketing management*. Upper Saddle River, N.J: Pearson Prentice Hall.
- Perangkaan Gerakan Koperasi Malaysia. (2016). *Anggota koperasi mengikut kumpulan sasaran*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
- Ramlan Kamsin., Jamilah Din., Mohd Zaib Mat Yunus., Kasim Yusof., & Mohd Shahron Anuar Said. (2008). *Kajian sumber dan penggunaan dana koperasi*. Petaling Jaya: Maktab Koperasi Malaysia
- Renwick, R., Raphael, D., Brown, L., & Myerscough, T. (2006). The quality life model. Dicapai daripada <http://www.utoronto.ca/qol/concepts.htm>
- Shafii, H., & Miskam, N. (2011). *Pembentukan penunjuk dan indeks kualiti hidup bagi mengukur kesejahteraan hidup masyarakat di Pekan Parit Raja, Johor*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muda, M.S., Amin, W.A.A.M., & Omar, N.W. (2006). Analisis kesejahteraan hidup nelayan pesisir. *Jurnal Kemanusiaan*, 4 (2).